

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BILANGAN 1 TAHUN 2013

Pelanjutan Tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor

Arahan ini dikeluarkan kepada semua Pejabat Tanah Daerah (PTD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Pelaksana yang terlibat dengan pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor mengenai pelanjutan tempoh program.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 1/2013 yang diadakan pada 31 Januari 2013 telah memutuskan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor dilanjutkan sehingga 30 Jun 2013 sahaja.
3. Sehubungan itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 6/2006 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 6/2009 adalah terpakai sehingga 30 Jun 2013.
4. Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 dan semua PTD, PBT dan Agensi Pelaksana adalah diminta mematuhi keputusan tersebut.

(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S., S.K.S., A.I.S., P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 21/2/2013

Fail: Bil(23) dlm. PTGS/CR02/00/2000